

Disediakan Oleh : _____

Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Pampasan Pekerja)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Kami”)
Nama Produk : Insurans Pampasan Pekerja

1. Apakah Produk ini?

Polisi ini melindungi anda sebagai seorang majikan berhubung dengan liability undang-undang anda di bawah Akta Pampasan Pekerja dan juga Common Law terhadap pekerja-pekerja anda yang biasanya tidak terlindung oleh SOCSO.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini menanggung rugi anda terhadap semua jumlah yang harus tanggung untuk membayar pampasan kepada mana-mana pekerja ke atas kecederaan diri yang berpunca daripada kemalangan atau penyakit pekerjaan yang timbul dan di dalam tempoh penggajiannya di bawah:

- Akta Pampasan Pekerja 1952 dan pindaan seterusnya pada Akta tersebut atau
- Common Law. Had Common Law yang standard ialah RM1,000,000 setiap kemalangan dan dalam aggregate.

Tempoh perlindungan ialah selama setahun (kecuali risiko projek). Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Dalam keadaan bagaimanakah saya perlu menanggung liability?

Anda perlu menanggung liability ke atas:

- Kecuaian peribadi
- Gagal menyediakan tempat bekerja dan sistem bekerja yang selamat
- Gagal memberi perhatian yang munasabah dalam pengambilan pekerja yang mahir
- Gagal menyediakan mesin yang sesuai dan memastikan ia berfungsi dengan baik

4. Bolehkah pekerja itu menyaman di luar Malaysia?

Tidak, polisi ini adalah tertakluk kepada kuasa undang-undang Malaysia sahaja.

5. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan pihak kami dan jumlah pembayaran gaji/upah tahunan yang anda isytiharkan kepada pihak kami.

Had Common Law : RM _____

Perolehan tahunan terangga : RM _____

Kadar dikenakan : _____ %

Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar ialah : RM _____

6. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	%/Amaun
• Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	• 25% daripada premium/ RM XX
• Cukai Perkhidmatan	• 8% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

Amaun Cukai Perkhidmatan (“CP”) di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

7. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Anda harus mengekalkan rekod setiap pekerja dengan baik dan menyatakan gaji dan pendapatan mereka dengan jujur, jika tidak, syarat purata dalam polisi ini akan dikenakan jika berlakunya tuntutan.
- Kecuali untuk risiko projek yang kurang daripada 60 hari, polisi tahunan adalah tertakluk kepada Warranti Premium. Sila pastikan anda membayar premium anda dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi mula berkuatkuasa..
- Anda tidak harus mengakui, menawar, menjanjikan atau membayar kepada pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada kami.
- Anda dikehendaki memberi insurans ajen anda atau secara bertulis apa-apa perubahan penting semasa dalam tempoh insurans supaya perubahan yang sepatutnya boleh diendors ke atas polisi anda.
- Insurans ini tertakluk kepada 60 hari warranti premium, contoh;- premium mesti dibayar dan diterima dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan polisi. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans adalah berhak terhadap premium pro-rata dalam tempoh mereka menanggung risiko.

8. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Liabiliti tertanggung oleh perjanjian
- Mana-mana pekerja yang bukan tergolong sebagai pekerja di bawah takrifan Undang-Undang Pampasan Pekerja
- Perang, perang saudara dan mana-mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Tuntutan yang timbul daripada 'Sindrom Toksik Protein Lateks' dan Asbestos

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

9. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa.

10. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai produk insurans Pampasan Pekerja atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.allianz.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542
E-mel: customer.service@allianz.com.my
Facebook: AllianzMalaysia
Instagram: AllianzMalaysia
Website: allianz.com.my

12. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

- Polisi Liabiliti Majikan
- Polisi Skim Pampasan Pekerja Asing

NOTA PENTING :

ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.